

SULIT
2611/2
Pendidikan Seni
Visual
Kertas 2
Ogos
2018
3 jam

2611/2



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2018

PENDIDIKAN SENI VISUAL

Kertas 2

Tiga jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi enam soalan.*
2. *Jawab satu soalan sahaja.*
3. *Kertas soalan ini hendaklah diberikan kepada calon sekurang-kurangnya seminggu sebelum tarikh peperiksaan kertas ini.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak.

2611/2

©2018 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

Arahan kepada calon

- a) *Kertas soalan ini hendaklah dibawa ke tempat peperiksaan pada hari yang ditetapkan. Tulis dengan terang Nombor Kad Pengenalan, Nombor Pusat, Angka Giliran, Kod Mata Pelajaran, Nombor Soalan dan Ruang Markah mengikut susunan yang ditetapkan di sudut kanan sebelah atas belakang kertas lukisan anda (lihat gambar rajah di bawah).*

Sudut Kanan Atas Muka Belakang Kertas Lukisan

5 cm

8 cm

NO. KAD PENGENALAN: _____
 NO. PUSAT: _____
 ANGKA GILIRAN: _____
 KOD MATA PELAJARAN : _____
 NO. SOALAN : _____
 MARKAH : _____

- b) *Hasil kerja anda hendaklah asli.*
- c) *Hasil kerja anda hendaklah memenuhi atau hampir memenuhi kertas lukisan yang diberikan.*
- d) *Anda tidak boleh menggunakan bahan pengilat atau syelek pada permukaan hasil kerja yang telah siap.*
- e) *Anda bebas menggunakan apa jua teknik kecuali teknik semburan dan asemblaj. Jika teknik kolaj digunakan, anda hendaklah menggunakan kertas berwarna atau bahan terbang yang nipis seperti kulit majalah, perca kain dan lain-lain yang dibawa sendiri.*
- f) *Hasil kerja anda hendaklah dalam bentuk 2D (dua dimensi) sahaja.*

Jawab satu soalan sahaja.

1. Sekumpulan alat tulis sedang bermain-main di atas sebuah meja. Kelihatan pensel, pen, pembaris, pemadam, pengasah pensel sedang melakukan pelbagai aksi.

Gambarkan situasi tersebut dengan memberikan penekanan terhadap **unsur ruang, bentuk, jalinan** dan **warna**.

2. Di kawasan sawah padi kelihatan beberapa orang kanak-kanak sedang bermain di tepi tali air. Seorang daripada kanak-kanak itu berada di tepi jambatan sambil memancing.

Gambarkan suasana tersebut dari jarak dekat dengan memberi penekanan kepada **suasana, jalinan** dan **bentuk**.

3. Satu pertandingan Cabaran Perlumbaan Basikal Bukit telah diadakan. Kelihatan beberapa orang peserta yang menunggang basikal sedang menuruni bukit.

Gambarkan aksi tersebut dengan memberi penekanan kepada aspek **jalinan, ruang, bentuk** dan **aksi**.

4. Ayah anda sedang mencuci kereta di halaman rumah manakala ibu anda sedang menyiram pokok-pokok bunga yang ditanam di dalam pasu.

Gambarkan situasi ini secara dekat dengan memberi penekanan kepada **jalinan, ruang, bentuk** dan **aksi**.

5. Kelihatan dua ekor kucing sedang bermain-main dengan beberapa gulung benang yang berwarna-warni. Kelihatan benang yang berselerakan berhampiran kucing tersebut.

Gambarkan aksi kucing tersebut secara dekat dengan menekankan unsur **jalinan, ruang, bentuk** dan **warna**.

6. Beberapa orang buruh binaan sedang membina struktur bangunan. Kelihatan seorang buruh lelaki warga emas sedang mengikat batu bata dengan simen.

Gambarkan situasi tersebut secara dekat dengan menekankan unsur **jalinan, ruang** dan **bentuk**.

KERTAS SOALAN TAMAT